

26/01/2003

Iraq: Amerika Syarikat kini terasing

Mior Kamarul Shahid

DAVOS (Switzerland): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, keangkuhan dan tindak tanduk Amerika Syarikat yang mengugut menyerang Iraq menyebabkan kuasa besar itu kini terasing, berbeza dengan sokongan yang diperolehnya sewaktu Perang Vietnam dulu.

Perdana Menteri berkata, selain Australia yang menjadi timbalan sherif kepada kuasa besar itu dan Britain, tidak ada pihak lain yang nampaknya menyokong tindakan negara itu.

"Malah, tidak semua rakyatnya menyokong tindakan Amerika Syarikat terhadap Iraq. Amerika lebih terasing hari ini berbanding keadaan sewaktu Perang Vietnam," katanya ketika mengadakan sesi pertemuan tidak rasmi dengan tokoh-tokoh media pada hari kedua Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33 di sini, semalam.

Dr Mahathir menjawab pelbagai soalan kritikal yang cuba memerangkapnya berhubung pelbagai isu daripada tokoh media dari seluruh dunia. Perdana Menteri membalasnya pula dengan jawapan yang kritikal.

Beliau menjelaskan sewaktu Perang Vietnam, Amerika Syarikat mendapat banyak sokongan, tetapi tindak tanduknya untuk menyerang Iraq, tidak mendapat sokongan. Banyak pihak tidak nampak apa-apa faedah negara itu menyerang Iraq.

Dr Mahathir berkata, disebabkan Amerika Syarikat menganggap negaranya mengamalkan kebebasan bersuara, sewajarnya mendengar pandangan pihak yang menentang cadangan untuk menentang Iraq.

Ditanya sama ada beliau bersikap anti-Amerika, Perdana Menteri menjawab: "Saya tidak pro atau anti-Amerika. Saya bersikap adil. Saya hanya mahu melihat keadilan."

Isu Iraq, katanya, sudah berlarutan 10 tahun lalu dan hari ini tidak ada senjata yang memusnahkan didapati di negara itu.

Tetapi, Amerika Syarikat masih mahu menyerang negara itu sedangkan negara kuasa besar itu tidak melakukan sebarang tindakan terhadap Korea Utara yang mempunyai senjata nuklear.

"Mengapa mereka boleh bercakap dengan Korea Utara, tetapi tidak kepada Iraq. Mengapa wujud sikap dwi-standard. Di Iraq, Amerika melakukan secara berlebihan, memeriksa apa juga benda, tidak ada tekanan kepada Korea Utara" tambahnya.

"Tidak ada justifikasi terhadap peperangan. Ia tidak mencapai apa-apa. Lihat keadaan di Lubnan. Tidak ada pihak yang menang. Kedua-dua pihak kalah," katanya merujuk kepada peperangan saudara di negara itu dan pencerobohan Israel.

Menjawab soalan bahawa beliau dilihat pernah menjadi penyokong kuat terhadap usaha memerangi pengganas selepas peristiwa 11 September 2001, Dr Mahathir menjawab: "Saya masih menyokong usaha memerangi pengganas tetapi bukan menyokong tindakan menyerang Iraq".

Menjawab soalan terhadap peperangan terhadap Taliban, Dr Mahathir berkata: "Saya menentang tindakan yang dilakukan di Afghanistan kerana ramai rakyat yang tidak berdosa, terbunuh."

Dr Mahathir yakin bahawa sokongan penyokong terhadap al-Qaeda kian berkurangan. Sudah ramai pengikut pertubuhan itu tidak lagi memberi sokongan mereka kepada pertubuhan itu. Oleh itu, usaha harus diambil untuk memenangi hati mereka.

Ditanya mengenai apa yang akan dilakukannya sekiranya beliau menjadi Presiden Amerika Syarikat, Dr Mahathir menjawab: "Saya akan lakukan

seperti apa yang dilakukan di Malaysia. Lihat kepada semua keadaan dan uruskan dengan cara yang baik".

Perdana Menteri juga mengambil bahagian dalam sesi interaktif mengenai "Pencetus Konflik: Politik Islam dan Kekecewaan" yang turut dihadiri Menteri Luar Indonesia, Hassan Wirajuda, Presiden Kongres Islam Sedunia, Arab Saudi, Abdullah O Nasseef, Perdana Menteri Turki, Abdullah Gul.

Dr Mahathir berkata, politik dan Islam adalah seiringan. Ia hanya menjadi buruk jika disalahgunakan.

Malangnya, kata beliau, Islam hari ini dikaitkan dengan pengganas.

"Membunuh diri adalah satu dosa dalam Islam. Pengebom berani mati adalah satu jenayah tanpa mengira siapa yang melakukannya. Tetapi, apabila mereka tidak ada cara lain, mereka akan melakukan perbuatan jenayah," tambahnya.

Ditanya mengenai pengamalan Malaysia dalam membuat sesuatu tuntutan, Dr Mahathir menjelaskan: "Malaysia mengadakan rundingan untuk mencapai kemerdekaan. Tidak ada peperangan untuk menuntut kemerdekaan. Kita tidak berperang, kita berunding untuknya.

"Palestin dan Israel tidak mahu berunding, mereka tidak mahukan keamanan. Pada masa ini satu belah pihak saja yang meminta supaya pemimpin mereka dilucutkan. Mengapa tidak, satu pihak lagi juga meminta pemimpin mereka dilucutkan jawatan. Kedua-dua pihak perlu bersetuju untuk menghentikan peperangan," katanya.